

KAJIAN SEJARAH DAN PERKEMBANGAN ISTANA KUNING, ALOR SETAR,

KEDAH

MUHAMMAD FURQAN BIN FAWZE

UNIVERSITI

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN
WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

KELANTAN

2023



**UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN**

**KAJIAN SEJARAH DAN PERKEMBANGAN ISTANA KUNING, ALOR SETAR,
KEDAH**

Oleh:

MUHAMMAD FURQAN BIN FAWZE

**Laporan Ini Dikemukakan Untuk Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat
Memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian (Konservasi
Warisan)**

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Tahun 2023

PERAKUAN STATUS TESIS


Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.
Dari tarikh _____ hingga _____
- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:


1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan



Tarikh:

Tandatangan Penyelia



FARRAH ATIKAH BINTI SAARI
Penyarah
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan
Universiti Malaysia Kelantan
Beg Berkunci No. 01
16300 Bachok, Kelantan.

Tarikh: 16 Februari 2023

Nota: *Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan/sekatan.

THESIS DECLARATION

I hereby certify that the work embodied in this thesis is the result of the original research and has not been submitted for a higher degree to any other University or Institution.

OPEN ACCESS I agree that my thesis is to be made immediately available as hardcopy or on-line open access (full text)

EMBARGOES I agree that my thesis is to be made available as hardcopy or on-line (full text) for a period approved by the Post Graduate Committee.
Date from _____ until _____

CONFIDENTIAL (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*

RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*

I acknowledge that University Malaysia Kelantan reserves the right as follows.

1. The thesis is the property of University Malaysia Kelantan.
2. The library of University Malaysia Kelantan has the right to make copies for the purpose of research only.
3. The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

Signature



Date:

Signature of Supervisor


FARRAH ATIKAH BINTI SAARI
Pensyarah
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan
Universiti Malaysia Kelantan
Beg. Berkunor No: 01
16300 Bachok, Kelantan.

Date: 16 February 2023

Note: * If the thesis is CONFIDENTIAL OR RESTRICTED, please attach the letter from the organization stating the period reasons for confidentiality and restriction.

PEGHARGAAN

Besyukur kehadiran Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat jua pengkaji menyiapkan laporan projek penyelidikan yang telah pengkaji usahakan selama ini yang bertajuk Sejarah Dan Perkembangan Istana Kuning, Alor Setar, Kedah. Laporan projek penyelidikan ini sangatlah penting kepada pengkaji memandangkan perkara ini merupakan sebahagian daripada syarat untuk bergraduasi.

Setinggi-tinggi penghargaan pengkaji ucapkan kepada individu penting yang banyak membantu pengkaji dalam menyiapkan laporan projek penyelidikan ini. Pertama sekali kepada Puan Farrah Atikah Binti Saari selaku penyelia projek penyelidikan I dan II kerana beliau telah banyak membantu dari segi bimbingan dan tunjuk ajar kepada pengkaji.

Ingatan tulus dan Ikhlas juga diucapkan kepada Encik Fawze Bin Hj Othman dan Puan Fuziyah Binti Abd Rahman selaku ayahnda dan ibunda pengkaji yang amat disayangi kerana telah banyak membantu sejak mula berada di unersiti ini dari segi nasihat dan kewangan supaya pengkaji terus bersemangat dan tabah dalam meneruskan perjuangan dalam meneruskan projek penyelidikan ini.

Sekalung penghargaan juga diberikan kepada sahabat handai pengkaji iaitu Amyrul Hadi Bin Suhaidi dan Nurul Wahida Binti Safiyudin dalam memberi nasihat dan tunjuk ajar dalam mengharungi perjuangan ini selama berada di universiti ini. Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang lain yang bersama-sama berhempas pulas dalam menyempurnakan projek penyelidikan masing-masing. Bantuan kalian dari segi informasi terkini mengenai kerja kursus ini amatlah pengkaji hargai.

Akhir kata, ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat tidak kira sama ada secara langsung atau tidak secara tidak langsung. Semoga laporan projek penyelidikan ini

memberi manfaat kepada semua orang terutamanya pengkaji sendiri. Insya-Allah. Sekian terima kasih.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SEJARAH DAN PERKEMBANGAN ISTANA KUNING, ALOR SETAR, KEDAH

ABSTRAK

Kajian yang bertajuk Sejarah Dan Perkembangan Istana Kuning ini bertujuan untuk mengenal pasti unsur senibina yang digunakan semasa pembinaan Istana kuning, mengkaji sejarah dan perkembangan Istana Kuning serta mengenal pasti perbezaan fungsi penggunaan Istana Kuning. Sehubungan dengan itu, timbul beberapa masalah semasa kajian dilakukan antaranya kekurangan maklumat yang menyukarkan pengkaji memperoleh data daripadanya dan ia pula semakin dilupakan oleh kerana peredaran zaman serta tiadanya kajian yang dilakukan terhadapnya. Justeru itu, pengkaji telah mengumpulkan setiap data-data dan maklumat yang diperlukan serta sahih. Rekabentuk kajian ialah pelan tindakan yang memperlihatkan seara terperinci bagaimana sesuatu kajian itu dijalankan (Sabhita, 2006). Oleh itu, rekabentuk kajian yang digunapaki oleh pengkaji ini adalah berbentuk kualitatif yang merangkumi kajian temubual, kajian pemerhatian, kajian literatur da kajian sumber internet. Sehubungan dengan itu, hasil kajian ini telah mencapai ketiga-tiga objektif utama. Objektif yang pertama adalah mengenal pasti unsur senibina yang digunakan semasa pembinaan Istana Kuning yang berkonsepkan pengaruh Kolonial dan Melayu. Manakala, objektif kedua pula sejarah dan perkembangan Istana Kuning untuk melihat bagaimana proses ianya dibina. Bagi objektif ketiga pula iaitu mengenal pasti perbezaan fungsi penggunaan Istana Kuning untuk melihat bagaimana fungsinya digunakan. Kesimpulannya, pengkaji berjaya memenuhi ketiga-tiga objektif dengan jayanya.

Kata Kunci: istana, kolonial, melayu, senibina, fungsi, sejarah.

HISTORY AND DEVELOPMENT OF ISTANA KUNING, ALOR SETAR, KEDAH

ABSTRACT

This study entitled History and Development of the Yellow Palace aims to identify the architectural elements used during the construction of the Yellow Palace, study the history and development of the Yellow Palace and identify the differences in the function of the use of the Yellow Palace. In relation to that, there are several problems during the study such as the lack of information that makes it difficult for researchers to obtain data from it and it is increasingly forgotten due to the passage of time and the lack of research done on it. Therefore, the researcher has collected all the necessary and authentic data and information. A study design is an action plan that shows in detail how a study is conducted (Sabhita, 2006). Therefore, the study design used by this researcher is qualitative in nature which includes interview study, observational study, literature review and internet resource study. Accordingly, the results of this study have achieved all three main objectives. The first objective is to identify the architectural elements used during the construction of the Yellow Palace with the concept of Colonial and Malay influences. Meanwhile, the second objective is the history and development of the Yellow Palace to see how the process was built. For the third objective, which is to identify the differences in the functions of the use of the Yellow Palace to see how the functions are used. In conclusion, the researcher managed to meet all three objectives successfully.

Keywords: architecture, castle, colonial, malay, funtional, history.

ISI KANDUNGAN

	MUKA SURAT
PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Persoalan Kajian	3
1.5 Skop Kajian	4
1.6 Kepentingan Kajian	4
1.6.1 Negara	

1.6.2	Peringkat Pengajian	
1.6.3	Masyarakat	
1.6.4	Diri Sendiri	
1.7	Batasan Kajian	7
BAB 2 SOROTAN KAJIAN		
2.0	Pengenalan	8
2.1	Sejarah dan Pembangunan Istana Kuning	9
2.2	Sejarah Senibina Bangunan Kolonial	10
2.2.1	Sejarah Senibina Bangunan Lain	
2.3	Sejarah Bangunan Tradisional Melayu	16
2.3.1	Sejarah Bangunan Lain	
2.4	Senibina Binaan Bangunan Zaman Kolonial	21
2.4.1	Lokasi	
2.4.2	Kaedah Binaan	
2.4.3	Fungsi Bangunan	
2.4.4	Susun Atur Ruang Dalaman dan Fasad Bangunan	
2.5	Senibina Binaan Bangunan Zaman Melayu	
2.5.1	Lokasi	
2.5.2	Kaedah Binaan	

2.5.3	Susun Atur Ruang Dalaman dan Fasad Bangunan	
2.6	Fungsi Istana Kuning	27
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		
3.0	Pengenalan	28
3.1	Rekabentuk Kajian	25
3.2	Kaedah Pengumpulan Data	26
3.2.1	Kaedah Data Primer	
3.2.2	Kaedah Data Sekunder	
3.3	Kaedah Kajian	27
3.3.1	Kaedah Temubual	
3.3.2	Kaedah Pemerhatian	
3.3.3	Kajian Literatur	
3.3.4	Sumber Internet	
BAB 4 DAPATAN KAJIAN		
4.0	Pengenalan	37
4.1	Sejarah Perkembangan Istana Kuning	38
4.2	Pengaruh Senibina Istana Kuning	39
4.2.1	Lokasi	41

4.2.2	Pandangan Hadapan Istana Kuning	42
4.2.3	Pandangan Belakang Istana Kuning	
4.3	Perbezaan Fungsi Penggunaan Istana Kuning	43
BAB 5 PERBINCANGAN		
5.0	Pengenalan	45
5.1	Kepentingan Istana Kuning Sebagai Bangunan Warisan	48
5.1.1	Sebuah Tarikan Pelancong	
5.1.2	Sebuah Pengajaran Dan Ikhtibar Buat Massyarakat	49
5.1.3	Ketinggian Nilai Estetika	50
5.2	Kesan Pemeliharaan Senibina Bangunan Istana Kuning	
5.3	Kesimpulan	51

SENARAI JADUAL

NO.	MUKA SURAT
Jadual 3.1: Kaedah kajian yang digunakan berdasarkan setiap objektif	35



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI RAJAH

NO.	MUKA SURAT
Rajah 1.1: Peta lokasi Istana Kuning, Alor Setar, Kedah	4
Rajah 3.1: Hasil Kaedah pemerhatian pengkaji di Istana Kuning	34
Rajah 3.2: Hasil Kaedah pemerhatian pengkaji di Istana kuning	34
Rajah 3.3 Antara sumber internet yang sahih berkaitan dengan objektif pengkaji	35
Rajah 4.2.1 Lokasi bangunan Istana Kuning	41
Rajah 4.2.2 Menunjukkan pandangan hadapan Istana Kuning	42
Rajah 4.2.3 Menunjukkan pandangan belakang Istana Kuning	
Rajah 4.2.3.1 Menunjukkan bahagian belakang sisi kiri Istana Kuning	43

1.0 Pengenalan

Istana Kuning merupakan sebuah istana lama yang menjadi tempat sultan Kedah mengadakan perjumpaan secara sulit. Bangunan istana ini juga turut dijadikan sebagai istana singgah bagi Sultan Kedah, merupakan juga tempat bagi Sultan untuk mengadakan mesyuarat dan juga menjadi kegunaan bagi pihak kerajaan untuk mengadakan mesyuarat atau perjumpaan secara sulit dengan tetamu terhormat. Tambahan lagi, istana ini juga merupakan tempat bagi mengadakan upacara adat istiadat diraja. Selain itu, bangunan istana ini terletak di sepanjang Jalan Istana Kuning di Bandaraya Alor Setar Kedah. Disamping itu, istana ini dinamakan Istana Kuning kerana warna kuning merupakan skema warna utama bagi istana dan ia juga warna rasmi bagi kaum-kaum diraja Melayu. Seterusnya, Istana kuning ini dibina semasa pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah yang merupakan Sultan Kedah yang ke-26 dan dipercayai pembinaan Istana Kuning ini dianggarkan antara tahun 1904 sehingga 1913.

1.1 Latar Belakang Kajian

Pengkaji menjadikan bangunan Istana Kuning yang terletak di Alor Setar Kedah ini sebagai tajuk kajian, hal ini kerana pengkaji merasakan istana yang tersegam indah ini menyimpan seribu satu sejarah yang masih belum terungkap sepenuhnya. Istana kuning ini secara dasarnya merupakan tempat Sultan mengadakan mesyuarat bersama kaum-kaum kerabat serta mengadakan perjumpaan secara sulit. Istana ini juga pernah dilawati oleh beberapa dif-dif terhormat dan salah satu daripadanya adalah Sultan Jawa iaitu Sultan Hamengku Buwono VII daripada Karaton Ngayogyakarta Hadiningrat (Jakarta Moden) serta beberapa orang ternama yang lain.

1.2 Permasalahan Kajian

Secara dasarnya pengkaji mengkaji tentang Istana Kuning ini kerana sejarahnya yang begitu menarik dan kebanyakan orang tidak mengetahui akan sejarahnya yang begitu gah. Istana yang menjadi tempat kepada Sultan Kedah bersemayam pada suatu ketika dahulu, kini telah bertukar kepada pejabat persatuan Kerabat Diraja Kedah. Lokasi Istana Kuning ini amatlah mudah untuk dicari kerana ia berada betul-betul di tengah bandaraya Alor Setar yang pesat membangun serta ia juga bertentangan dengan Menara Alor Setar yang gah berdiri menghadap langit.

Masalah pertama yang timbul adalah penerimaan masyarakat sekarang terhadap asal usul pembinaan Istana Kuning. Dalam melihat kepada sejarah dan perkembangan Istana Kuning ini, pengkaji mendapati terdapat beberapa perkara yang berkaitan dengan sejarah awal pembinaan istana ini dimana kebanyakan masyarakat masa kini tidak mengetahuinya dengan lebih kritikal berkenaan sejarah awalnya. Penduduk tetap pada masa dahulu berkemungkinan mengetahui akan perkara ini namun sebaliknya bagi masyarakat zaman kini. Hal ini kerana, kekurangan minat dalam jiwa masyarakat terutamanya orang muda pada hari ini terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan sejarah lama dan perkara yang berkaitan dengan warisan negara menyebabkan golongan muda hari ini tidak mengambil tahu dalam hal ini. Sebahagian masyarakat hari ini kurang mengetahui asal usul pembinaan istana ini dan hanya menyedarinya setelah berkunjung ke istana itu sendiri. Walaubagaimanapun, mungkin bagi masyarakat sekarang tertanya-tanya dari mana asal usul pembinaan yang ada pada bangunan bersejarah ini sama ada berunsurkan Melayu atau Pengaruh Kolonial. Hal ini disebabkan, Istana Kuning ini

merupakan istana bagi Sultan Kedah bersemayam pada zaman dahulu sebelum ia ditukarkan kepada pejabat persatuan Kerabat Diraja Kedah pada hari ini.

1.3 Objektif Kajian

Pada bahagian ini pengkaji memfokuskan beberapa objektif yang telah dikenalpasti. Antaranya adalah seperti yang berikut :

Objektif :

- i. Mengkaji sejarah dan perkembangan Istana Kuning.
- ii. Mengenal pasti perkembangan dan fungsi yang terdapat pada Istana Kuning.
- iii. Mengenal pasti pengaruh senibina yang digunakan semasa pembinaan Istana Kuning.


1.4 Persoalan Kajian

Pada bahagian ini pengkaji telah menyenaraikan beberapa persoalan kajian yang dilihat dapat menjawab segala persoalan yang dinyatakan pengkaji. Antaranya seperti berikut :

- i. Bagaimanakah perkembangan sejarah Istana Kuning ini begitu penting?
- ii. Apakah terdapat pelbagai unsur senibina terhadap Istana Kuning?
- iii. Mengapakah terdapatnya perbezaan pada fungsi penggunaan Istana Kuning ini?

1.5 Skop Kajian

Pengkaji telah memilih negeri Kedah iaitu Istana Kuning sebagai tempat penyelidikan. Bagi mengumpul lebih banyak maklumat dan data untuk mengukuhkan lagi penyelidikan yang sedang dijalankan, pengkaji telah menyenaraikan beberapa skop kajian yang dilihat dapat mengukuhkan lagi penyelidikan. Antaranya adalah mengkaji tentang sejarah dan perkembangan Istana Kuning yang dilihat begitu menarik minat pengkaji untuk mengkajinya. Hal ini kerana tidak ramai orang mengetahui akan kewujudannya oleh kerana sumbernya yang terbatas. Selain itu, pengkaji mengkaji tentang unsur senibina yang digunakan pada Istana Kuning ini. Berdasarkan pemerhatian pengkaji ianya dipengaruhi oleh unsur senibina Kolonial dan unsur senibina Melayu. Seterusnya, pengkaji juga mengkaji tentang fungsi penggunaan Istana Kuning. Hal ini pengkaji ingin melihat perbezaan fungsi istana ini pada suatu ketika dahulu dan pada masa kini. Dengan cara ini, pengkaji dapat mengumpul lebih banyak maklumat akan Istana Kuning ini supaya kajian ini dapat disiapkan dengan lancar.



Rajah 1.2: Peta lokasi Istana Kuning, Alor Setar, Kedah.

1.6 Kepentingan Kajian

Pada bahagian ini pengkaji dapat mengenal pasti unsur senibina yang telah diterapkan pada Istana Kuning ini. Selain itu, pengkaji juga dapat mengetahui tentang perkembangan sejarah yang telah berlaku sepanjang pembinaan Istana Kuning ini yang merupakan kediaman rasmi dan tempat Sultan Kedah bersemayam suatu ketika dahulu. Akhir sekali, pengkaji juga dapat membezakan fungsi penggunaan Istana Kuning ini dimana ia dijadikan sebagai Kediaman Rasmi bagi Sultan Kedah suatu ketika dahulu.

1.6.1 Negara

Institusi yang berkaitan warisan ini merupakan salah satu alat pelancongan bagi negara Malaysia khususnya. Hal ini kerana pelancong dari luar negara amat gemar melancong untuk mengetahui, mendalami dan mengkaji berkenaan senibina istana yang ada dalam negara Malaysia. Tambahan pula, negara Malaysia yang begitu dikenali dengan zaman penjajahan dari seluruh negara yang pernah menjajah Tanah Melayu pada suatu masa dahulu. Oleh itu, amatlah penting kajian ini dilakukan adalah untuk mempromosikan Malaysia sebagai sebuah negara yang dinamik dan unik di mata dunia. Kesannya, ia akan menyebabkan berlaku peningkatan dari segi status sebagai sebuah negara yang maju dan berdaya saing.

1.6.2 Peringkat Pengajian

Dalam hal ini, ia bertujuan untuk memberikan pendedahan yang lebih terperinci terutamanya kepada para mahasiswa yang terlibat dengan pengajian warisan, kesenian dan kebudayaan. Hal ini sudah pasti akan menjadikan ia sebagai bahan rujukan yang tepat dan betul dengan sumber maklumat yang diperlukan untuk mahasiswa dan mahasiswi membuat kajian berkaitan dengan institusi warisan mahupun senibina dalam negara terutamanya berkaitan dengan senibina Istana Kuning yang kini jarang dikaji oleh pengkaji luar.

Pada peringkat sekolah menengah, kajian ini dilihat mampu menarik minat para pelajar sekolah menengah untuk menyelami dan menghayati keindahan peninggalan orang terdahulu melalui senibina yang terdapat pada istana. Dengan ini, para pelajar akan mempunyai pilihan untuk menceburi bidang ini apabila ingin melanjutkan pelajaran di peringkat seterusnya. Selain itu, kajian ini juga mampu dijadikan sebagai bahan pembacaan tambahan di peringkat perpustakaan terutamanya kepada para pelajar dalam jurusan senibina dan warisan.

Di peringkat ini, pengkaji memandang dari sudut kepentingan kajian senibina istana sebagai salah satu skop kokurikulum sekolah dengan menubuhkan sebuah kelan atau persatuan di seluruh sekolah rendah. Hal ini bukan sahaja mampu menjaga warisan senibina bangunan atau perkembangan sejarah istana malah akan sentiasa munculnya bakat-bakat muda yang berminat dalam aktiviti seperti ini. Projek persatuan seperti mengadakan lawatan ke istana-istana tertua dan terpilih yang kaya dengan senibina mahupun sejarah perkembangannya dapat menghidupkan kembali kekayaan yang dimiliki oleh negara Malaysia agar ia tidak lapuk ditelan zaman. Penglibatan aktif seperti ini dapat dijadikan contoh untuk generasi seterusnya.

1.6.3 Masyarakat

Institusi warisan merupakan aspek yang penting dalam memberi pendedahan kepada masyarakat yang kini tidak peduli mengenai warisan turun temurun mereka. Masyarakat haruslah lebih peka terhadap perkara seperti ini dan memperkembangkannya supaya masyarakat luar tertarik dengan keunikan dan keagungan perkembangan sejarah istana ini serta keindahan seni bina bangunan istana-istana lama yang telah lama tertubuh di Malaysia. Melalui seni bina istana ini, ia menjadi salah satu contoh yang baik kepada masyarakat dalam membentuk perpaduan. Hal ini kerana, masyarakat secara bersama-sama dan bersatu dalam mengadakan aktiviti dan program yang ingin dianjurkan. Selain itu, ia juga dapat memupuk semangat kerjasama antar ahli kumpulan bagi mengurangkan bebanan dalam menguruskan sesuatu majlis agar ia berjalan dengan lancar.

1.6.4 Diri Sendiri

Melalui kajian ini, pengkaji dapat mempelajari beberapa aspek yang penting dalam sejarah perkembangannya dan seni bina bangunan mahupun institusi yang jarang didengari oleh masyarakat luar dari kawasan negeri Kedah melalui rujukan internet. Hal ini kerana keunikan yang ada pada Istana Kuning ini telah menggamit perasaan dan ingin dijadikan contoh kepada pengkaji sendiri dalam melakukan kajian. Kepentingan kajian ini terhadap pengkaji ialah dapat memperoleh pengetahuan tambahan dari semasa ke semasa mengenai seni bina yang ada pada kolej ini. Selain itu, pengkaji dapat meningkatkan kemahiran melalui pengalaman sendiri berada di lokasi kejadian.

1.7 Batasan Kajian

Terdapat beberapa jenis senibina yang ada pada bangunan, objek atau hasil karya tertentu, namun pengkaji telah memokuskan kajian pengkaji terhadap Istana Kuning di Alor Setar, Kedah. Hal ini kerana, kewujudan istana ini merupakan salah satu istana yang tertua yang dibina di Malaysia dan pembinaan telah bermula sejak kurun ke 17 lagi. Selain itu, pengkaji juga akan menumpukan kajian mengenai senibina bangunan istana ini kerana masih mengekalkan pengaruh senibina Kolonial dan Melayu yang lama serta unik walaupun telah mengalami beberapa perubahan dari segi struktur senibinanya.

Berdasarkan objektif yang dikaji, pengkaji ingin mengkaji mengenai sejarah dan perkembangan Istana Kuning, unsur senibina yang digunakan oleh pengaruh Kolonial dan Melayu dalam senibina Istana Kuning serta perbezaan fungsi penggunaan Istana Kuning tersebut. Melalui objektif yang pertama, pengkaji akan melakukan kajian perpustakaan bagi mendapatkan maklumat dengan lebih lengkap mengenai sejarah dan perkembangan Istana Kuning ini. Manakala bagi objektif kedua pula, pengkaji perlu melakukan kajian lapangan, seperti menemubual bersama penduduk di sekitar Alor Setar bagi melengkapkan lagi kajian ini dan melakukan kaedah pemerhatian. Hasil temubual akan ditulis dan direkodkan dalam laporan bertulis. Seterusnya, berdasarkan objektif ketiga iaitu perbezaan fungsi penggunaan Istana Kuning, pengkaji juga perlu melakukan kajian lapangan, seperti menemubual dengan penduduk sekitar bandar Alor Setar serta melakukan kaedah pemerhatian bagi mengumpulkan maklumat yang lengkap berkenaan perbezaan fungsi penggunaan Istana Kuning ini. Hal ini kerana laporan dapat ditulis secara ilmiah. Sehubungan dengan itu, sumber maklumat melalui

perpustakaan dan internet tidak dipinggirkan kerana ia amat memberi kemudahan kepada pengkaji.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan

Kajian literatur adalah merupakan sebuah kajian yang berpandukan kepada kajian para pengkaji yang terdahulu di mana ia perlu dirujuk terhadap perbincangan yang telah dinyatakan sebelum ini. Bagi menunjukkan bukti yang kukuh dan sahih untuk sesebuah maklumat yang telah digunakan dalam kajian kali ini, bahan-bahan literatur ini amat penting kepada kajian yang dikaji oleh seorang pengkaji. Oleh hal yang demikian, pandangan serta pendapat yang telah dirujuk daripada hasil sumber-sumber kajian yang lepas dapat meyakinkan pembaca dengan kajian yang sedang dilakukan.

Untuk seseorang pengkaji yang hendak melakukan sesuatu penyelidikan atau kajian, pengkaji haruslah mengambil dan meneliti kajian-kajian lalu yang telah siap sepenuhnya serta ia dijalankan dengan mengikut skop masing-masing kerana terdapat maklumat yang membantu untuk diadaptasikan dalam kajian yang sedang dijalankan lantas dapat dijadikan sebuah kajian yang penuh ilmiah dan akan bertambah baik dari semasa ke semasa. Sehubungan dengan itu, kesan daripada rujukan kajian lama, ia juga memeberikan kelebihan terhadap pengkaji dalam menyelesaikan segala persoalan yang timbul dan yang belum terjawab dapat diselesaikan dengan penuh ilmiah.

Tajuk yang ingin dikaji oleh pengkaji ialah Sejarah dan Perkembangan Istana Kuning, Alor Setar, Kedah. Hal ini kerana, sesebuah kajian mengenai sejarah dan perkembangannya kurang dikaji terutamanya dari segi senibina bangunannya yang menarik berbanding dengan pengkaji terdahulu yang lebih memilih dalam kajian yang lalu mengenai sejarah pembinaan istana itu. Oleh hal yang demikian, kajian ini pasti menarik jika ia dikaji kerana penubuhan Istana Kuning ini telah mencecah umur 100 tahun.

2.1 Sejarah dan Pembangunan Istana Kuning

Istana Kuning dibina oleh Sultan Muhyiddin Mansur Shah. (Saya sedang mencari bukti lebih lanjut mengenai perkara itu, kerana sultan tersebut memerintah pada abad ke-17, sedangkan Alor Setar hanya ditubuhkan pada tahun 1735.) Yayashari mengaitkan sumber itu kepada blog Sejarah Nagara Kedah, yang menyatakan Balai Besar dibina di 1668 oleh tentera maharaja Manchu yang dibawa khas ke kawasan itu dan ditempatkan di Pekan Cina. Balai Nobat juga pada asalnya dibina dalam tempoh itu, dan struktur sekarang adalah pembinaan semula ketiga.1 Istana Kuning ialah tempat kelahiran Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, yang menjadi Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Kini ia tidak lagi digunakan sebagai kediaman diraja, dan berfungsi sebagai pejabat Persatuan Kerabat Diraja Kedah. Di sebelah Istana Kuning terdapat surau yang juga tidak digunakan lagi (Discover with Timothy, 2015).

Menurut seorang kenalan lama, Tunku Ismail Jewa (yang berkhidmat dengan saya di lembaga Amanah Warisan Pulau Pinang sekitar tahun 2005), Istana Kuning merupakan istana kegemaran Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1882-1943).⁶ Menurutnya, penduduk lama Alor Setar lebih gemar memanggilnya Istana Kampung Baru. Di sinilah Almarhum sultan akan menghabiskan masanya pada siang hari (Discover with Timothy, 2015).

2.2 Sejarah Bangunan Kolonial

Ketamadunan sesuatu bangsa itu tercapai berasaskan dari tamadun awal bangsa itu sendiri. Kita semestinya tidak mahu ketinggalan bidang-bidang yang telah lama dieburi oleh bangsa-bangsa lain di dunia ini. Tetapi haruslah kita sedari bahawa negara ini pernah ditakluki dan sedikit sebanyak pengaruh senibina meeka ini telah diterapkan didalam senibina tempatan sekarang. Contohnya, banyak banguan-bangunan lama yang telah dipelihara dengan baik dengan tujuan untuk tetapan generasi akan datang untuk mengetahui kesan-kesan sejarah yang ditinggalkan oleh pihak penjajah. Disini, bukan bermakna kita menyanjungi akan penakluk-penakluk ini tetapi adalah untuk kepentingan generasi akan hadapan amnya (Aini Zamzamin, 1985/86)

Sejarah merupakan sesuatu yang berkaitan dengan masa lepas dan dipeolehi melalui bukti-bukti fizikal yang masih kekal. Sejarah dan perkembangan bidang pemuliharaan di Malaysia dapat dirujuk kepada kronologi perkembangan sejarah negara khususnya yang berkait dengan sejarah berbentuk fizikal yang masih kekal hingga hari ini seperti peninggalan tapak-tapak sejarah, monumen dan bangunan-bangunan lama. Sejarah amat sinonim dengan bidang pemuliharaan bangunan kerana untuk mengeal sesebuah bangunan maka perlu dikenali

asal usul sejarahnya terlebih dahulu. Sejarah dan pengaruh ke atas senibina bangunan di Malaysia akan mengimbas kembali perkembangan sejarah negara melalui peristiwa dan tinggalan monumen sejarah yang masih kekal pada hari ini (Siti Norlizaiha, 2005).

Menurut Siti Norlizaiha (2005), dalam artikel yang bertajuk Perkembangan Sejarah dan pengaruh Ke Atas Senibina Malaysia menyatakan bahawa pengaruh Kolonial memberi pengaruh dan kesan yang besar dari segi senibina dan rupa bandar, bandar-bandar di Malaysia. Peninggalan senibina Portugis, Belanda dan Inggeris memainkan peranan penting dari segi kesinambungan sejarah, perkembangan fizikal dan geografi rupa bandar. Bangunan-bangunan Kolonial ini mempunyai gaya senibina yang unik disamping susun letak bangunan yang membentuk morfologi awal rekabentuk bandar dan masa kini menjadi asas kepada terikan dan imej kepada bandar-bandar seperti Bandar Bersejarah Melaka, Georgetown dan Taiping.

Menurut Kamarul Afizi Kosman dan Nik Lukman Nik Ibrahim (2007), menyatakan gaya rupa senibina negara ini mengalami perubahan selepas kemerdekaan. Pada masa itu, arkitek yang baru tamat pengajian di luar negara telah membawa fahaman baru tentang snibina ke bandar utama di negara ini yang sebelumnya melaksanakan pendekatan reka bentuk senibina Kolonial, seperti Anglo-Indian dan elektrik. Di Barat, kritikan terhadap pendekatan estetika mesin yang menganggap senibina sebagai sebuah mesin kehidupan melalui penyediaan ruang asas sahaja serta gaya rupa yang tidak berlandaskan konteks setempat telah ditolak arkitek dan artis. Yang mereka kehendaki ialah senibina yang lebih banyak berkomunikasi dengan aspek sosio-budaya dan sejarah lokal.

Senibina kolonial terdapat dalam 3 jenis iaitu Portugis (1548), Belanda (1641) dan Inggeris (1795-1957). Senibina Portugis bermula apabila bandar Melaka ditakluki, Alfonso d'Albuquerque mengarahkan untuk membina kubu bagi menguatkan pertahanan. Kubu ini dikenali sebagai A Famosa, dibina mengelilingi kota Melaka. Pembinaan kubu ini lengkap pada tahun 1548 menjadikannya salah sebuah bandar yang menyerupai kota bertembo era Mediavel di Eropah. Walaubagaimanapun kota ini telah dimusnahkan semasa pemerintahan Belanda dan Hanya yang tinggal adalah pintu masuk nya sahaja. Selain pintu Famosa, peninggalan Portugis yang masih kekal pada masa kini ialah gereja St Paul. Sepanjang tempoh 130 tahun penaklukan, Portugis telah membawa masuk teknologi pembinaan batu dan kayu dan rekabentuk kubu pertahanan dan bangunan yang bercirikan gaya Eropah (Raja Nafida Raja Shahminan, 2007).

Manakala senibina Belanda pula apabila bermulanya Belanda telah mengambil alih penjajahan Portugis pada tahun 1641. Walaubagaimanapun, semasa Belanda mengambil alih, banyak bangunan telah dimusnahkan dan rosak. Penjajahan Belanda juga telah membina dan meninggalkan bangunan-bangunan yang mempunyai gaya senibina yang menarik. Antara yang terkenal ialah monumen dan bangunan-bangunan berwarna merah seperti gereja Christ, bangunan Stadhyus dan menara jam (Raja Nafida Raja Shahminan, 2007).

Seterusnya, senibina Inggeris bermula apabila pemerintahan Inggeris berlangsung dari 1795 hingga 1957. Dalam tempoh ini banyak bangunan Kolonial telah dibina di beberapa bandar utama di Malaysia seperti Georgetown, Ipoh, Kuala Lumpur, Taiping, Seremban, Johor Bharu, Kota Kinabalu dan Kuching. Monumen pertama yang dibina Inggeris ialah kota

pertahanan Cornwallis semasa penapakan Francis Light di Pulau Pinang pada tahun 1786 (Raja Nafida Raja Shahminan, 2007).

Penjajahan Inggeris juga telah membawa perubahan yang besar kepada rupa bandar ketika itu. Inggeris telah menetapkan kegiatan perancangan yang lebih teratur pada bandar-bandar yang dibuka bagi tujuan kesejahteraan penduduk. Georgetown tahun 1801, merupakan bandar pertama yang mempunyai perancangan iaitu pembinaan jalan dan parit disekitar bandar termasuklah bangunan-bangunan institusi pentadbiran dan awam yang dirancang dengan teratur. Pembukaan tanah untuk bandar-bandar pentadbiran dan kediaman Inggeris adalah berdasarkan faktor bahan mentah iaitu bijih timah dan getah selain daripada faktor perluasan pentadbiran. Keadaan ini mewujudkan pertumbuhan yang pesat dari segi fizikal dengan binaan bangunan-bangunan berdasarkan rekabentuk Barat. Rekabentuk Barat lebih ringkas iaitu pada ukiran dan motif di dinding bangunan terutamanya di sekeliling tingkap, tiang besar (*column*) dan gerbang lengkung (*arch*). Pengaruh melalui elemen-elemen ini dapat dilihat pada pelbagai jenis bangunan seperti bangunan institusi dan pentadbiran, rumah kediaman, gedung perniagaan dan bangunan keagamaan (Raja Nafida Raja Shahminan, 2007).

Senibina Kolonial terdiri daripada bangunan pentadbiran kerajaan. Bangunan awam, sekolah dan struktur serta monumen seperti jambatan dan menara jam. Antara bangunan Kolonial yang ada di Malaysia ialah Bangunan Sultan Abdul Samad, Pejabat Pos Besar (GPO) dan Ibu Pejabat JKR (PWD) yang semuanya terletak di kawasan Dataran Merdeka, Muzium Perak di Taiping, bangunan Sekretariat (SUK) di Seremban, bangunan Stadhyus di Melaka, Muzium Sultan Abu Bakar di Pekan dan Kubun Margherita di Kuching.

Bangunan Kolonial secara amnya direka bentuk arkitek atau jurutera kolonial namun ia hanya dibina oleh orang tempatan menggunakan teknik binaan tempatan, bahan tempatan dan mengambil kira keadaan cuaca tempatan. Walau sebahagiannya direkabentuk sepenuhnya dengan gaya senibina Eropah seperti Klasikal, Gothic, Tudor dan Art-deco, sebahagiannya adalah gabungann senibina tempatan atau pengaruh senibina tempatan atau pengaruh senibina Cina sehingga ia menjadi senibina unik yang dikenali sebagai *electric* atau *hybrid*.

Rekabentuk bangunan dan gaya senibina bangunan Barat mempunyai keunikan tersendiri dari segi latar belakang negara Kolonial dan era atau zaman gaya senibina itu muncul. Walaubagaimanapun, selain dari pengaruh Barat terdapat juga pengaruh senibina Timur yang menyumbangkan satu kombinasi gaya snibina yang unik dan agak mewakili resam atau budaya masyarakat tempatan. Dengan kedatangan Inggeris, senibina Islam Moghul dan ilmu *handasah* untuk membentuk kubah, serta batu bata dan atap genting sebagai bahan binaan dibawa masuk melalui arkitek Inggeris (Wan Ramli Wan Daud, 2000:260).

Menurut Zulkiflee (2010), walaubagaimanapun di antara berbagai-bagai *contingencies* persejarahan itu, era kolonialisme British merupakan “eventual factor” yang paling penting dalam sejarah peradaban Malaysia. Legasi period tersebut yang paling penting, tidak ada tolok bandingnya, ialah kemunculan masyarakat majmuk. Seperti telah dibayangkan, “di bawah lindungan bendera Union Jack” datangnya imigran Cinadan India dalam jumlah yang besar sehingga mengubah komposisi masyarakat negara ini. Komposisi masyarakat majmuk dan kewujudan kebudayaan *multiculturalism* itu adalah ciri kekal negara ini sehingga ke hari ini. Legasi era kolonialisme British yang kedua penting ialah dalam pengasasan “negara” dan

pengenalan sistem pentadbiran moden iaitu sistem birokrasi ala-Montaqiuge dan sistem Federalisme dan juga sistem demokrasi.

2.2.1 Sejarah Senibina Bangunan Lain

2.2.1.1 Kategori Istana (Bangunan Kolonial)

Untuk contoh, bangunan lain yang mempunyai kriteri- kriteria yang sama seperti pembinaan pada zaman kolonial adalah bangunan Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang (1929), yang asalnya dibina sebagai kediaman bagi Residen British. Namun begitu, semasa Perang Dunia Kedua, bangunan ini telah dijadikan kediaman bagi pegawai-pegawai Jepun. Pada 1948, bangunan ini telah dibaik pulih dan dijadikan sebagai Istana bersemayam Al-Marhum Sultan Abu Bakar dan secara tidak langsung menjadikannya Istana Rasmi Negeri yang diberi nama Istana Kota Beram. Selepas itu pada 17 Mac 1976, ia dijadikan sebagai Muzium Negeri Pahang. Kemudian, pada 21 Oktober 1976 ia dirasmikan sebagai Muzium Sultan Abu Bakar. Muzium ini mempunyai ciri-ciri ukiran kediaman Kolonial British yang masih jelas kelihatan pada bangunan fasad hadapan. Selain itu, pada ruang koridor tingkat atas ia diletakkan dengan kaca jernih bertujuan sebagai penghawa dingin. Tangga kayu utama pula disyelek bagi mengeluarkan rupa aslinya. Manakala pada bahagian serambi di tingkat atas ia ditutpi dengan tingkap ram kayu sepanjang fasa.

Secara dasarnya, struktur bangunan Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang ini menggabungkan dua sistem binaan iaitu **Sistem Dinding Tanggung Beban dan Sistem Tiang dan Alang**. Sistem dinding tanggung beban ini merupakan sistem binaan yang lazimnya

digunakan pada binaan bangunan sebelum teknologi konkrit bercerucuk diperkenalkan. Sistem ini diaplikasikan pada bahagian utama bangunan ini dengan ketebalan dinding di antara 12” dan 14”. Ia terbina daripada ikatan batu bata yang dilepa. Seterusnya, sistem tiang dan alang ini diaplikasikan pada bahagian verandah dan anjung di tingkat satu bagi menyokongnya. Tiang bangunan ini bersaiz 1’6” digunakan untuk menyokong struktur yang terdiri dari rasuk di atasnya. Manakala, struktur bumbung muzium ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu bumbung curam dan bumbung rata. Bumbung bangunan berbentuk curam ini diperbuat daripada genting tanah liat merah yang menutupi keseluruhan ruang tengah dan anjung bumbung. Bagi bumbung rata jenis konkrit tetulang pula menutupi bahagian serambi belakang. Di Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang ini juga mempunyai tangga batu dan tangga kayu. Pada bahagian tingkap, bahagian atas adalah kaca dan bahagian bawah adalah kayu keras dan mempunyai pintu.

2.3 Sejarah Bangunan Tradisional Melayu

Dalam usaha mengenali identiti seni bina nasional, kritikan tersebut telah dijadikan pegangan dalam proses menerapkan gaya rupa seni bina antarabangsa bagi lebih mencerminkan identiti seni bina nasional. Daripada itu, terhasillah pendekatan seni bina antarabangsa yang diterapkan nilai seni bina Melayu di negara ini. Walaupun kelihatan sangat berjaya di peringkat awal, namun secara keseluruhan ia belum mencapai matlamatnya. Antara sebabnya ialah hasil percubaan reka bentuk yang tidak berkembang, lantaran kurang pemahaman daripada ahli akademik dan profesional seni bina tentang identiti seni bina nasional. Oleh sebab nilai seni bina Melayu terhad penggunaanya, berlakulah peniruan secara langsung elemen seni bina Melayu yang tidak mencerminkan semangat sezaman. Untuk

menghurai persoalan ini, adalah disarankan agar kita menoleh ke belakang dan memperhalusi dua aspek yang penting dalam pembinaan identiti seni bina nasional: mengkaji inti pati seni bina tradisional Melayu dan mengambil pengajaran daripada usaha pembinaan identiti seni bina nasional berlandaskan nilai seni bina tradisi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa di masa lampau (Kamarul Afizi Kosman & Nik Lukman Nik Ibrahim, 2007).

Tahun 1950-an dan 1960-an boleh dianggap masa pencarian identiti seni bina nasional. Perdebatan dan perbincangan mengenainya tidak berlangsung dengan serius sehingga tahun 1970-an. Tidak ada kertas kerja tentang seni bina dibentangkan dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada 30 Disember 1957 hingga 2 Januari 1958 (Mohd Tajuddin Rasdi 1998:103).

Perkembangan awal tamadun Melayu telah dikenalpasti seawal abad pertama masihi. Kisah pensejarahan Melayu ada dicatatkan dalam kitab sejarah Melayu karya Tun Seri Lanang yang dinamakan sebagai Sulalatus Salatin. Sebelum tersebarnya Islam ke wilayah nusantara, hampir kesemua kerajaan-kerajaan awal amat dipengaruhi oleh agama Hindubuddha. Kerajaan seperti Kerajaan Langkasuka(Kedah Tua), Kerajaan Srivijaya, Kerajaan Majapahit merupakan antara kerajaan yang menerima pengaruh kuat hindu-buddha dalam adat resam dan kebudayaan mereka melalui proses asimilasi setelah berlakunya pertembungan kebudayaan. Pengaruh seni bina ini amat kuat hingga boleh dilihat dalam konteks kepercayaan, falsafah mahupun budaya kenbendaan seperti seni bina (Muhamat Hamzah Bin Eksan-AEP120007, 2013/2014).

Menurut Muhammad Firrdhus Mohd Sahabuddin (2015), menyatakan Rumah Tradisional Melayu merupakan antara senibina terawal yang didirikan di Gugusan Kepulauan Nusantara (Malay Archipelago). Ia telah melalui proses transformasi sejak ribuan tahun yang lalu. Kesenian pertukangannya disampaikan secara turun temurun dari generasi ke generasi. Sehingga kini jejak rumah-rumah tradisional ini masih dapat dilihat dan dikesan di seluruh nusantara samada secara fizikal ataupun yang telah menjadi sebahagian artifak sejarah yang didokumentasikan oleh pelbagai organisasi kerajaan atau swasta dan badan-badan warisan. Kesenian rumah-rumah tradisional ini adalah sangat unik kerana ia mewakili setiap pecahan etnik Alam Melayu yang terdapat di gugusan kepulauan ini. Namun, sifat fizikal yang dibina menggunakan bahan binaan ringan dari sumber setempat seperti kayu-kayan, buluh, rotan, mengkuang, daun nipah dan sebagainya tidak memungkinkan rumah-rumah ini wujud sehingga ribuan tahun lamanya.

Menurut Dr. Siti Norlizaiha Harun (2005), menyatakan Agama Islam datang ke Tanah Melayu dan berkembang di Kepulauan Melayu selepas pengaruh Hindu mulai merosot pada abad ke 13 dan abad berikutnya. Kedatangan Islam telah memberi pengaruh besar kepada corak budaya hidup masyarakat pada masa itu. Pengaruh Islam banyak membentuk peradapan dan budaya masyarakat Melayu lebih bersederhana dan bersopan santun.

Senibina rumah Melayu dapat dilihat dengan teknologi binaan yang ringkas dan mudah menggunakan bahan-bahan dari alam semulajadi yang diperolehi dari hutan. Rumah Melayu boleh dilihat dengan ciri binaan dan bahan binaan seperti daun nipah, ijuk, rumbia dan bertam untuk atap atau bumbung. Kayu digunakan untuk struktur utama seperti tiang, alang, rasuk, lantai dan dinding. Lapis tiang pula diperbuat daripada batu. Rumah Melayu juga jarang

menggunakan paku besi, biasanya hanya dipasak dengan kayu (Dr. Siti Norlizaiha Harun, 2005).

Susun atur rumah Melayu biasanya mempunyai 3 bahagian iaitu bahagian depan atau serambi, bahagian tengah yang disebut rumah ibu dan bahagian belakang yang dikenali sebagai rumah dapur. Bumbung rumah adalah curam dan unjurannya lebar bagi melindungi rumah dari tempas hujan dan sinaran langsung matahari. Badan rumah pula di penuh dengan bukaan jendela dan 2 kekisi atau ukiran tebuk yang menggalakkan peredaran udara (Ezrin Arbi, 2002).

Pembinaan rumah melayu yang agak tinggi memberikan satu ruang dibawah rumah. Kedudukan lantai yang tinggi dapat mengatasi kelembapan tanah disamping mencegah ruang ditenggelami air jika berlaku banjir. Ruang bawah atau kolong yang terbuka ini juga membolehkan peredaran udara dibawah lantai. (Abdul Halim Nasir dan Wan Hashim Wan Teh , 1997: 35).

Gaya senibina rumah Melayu pula mempunyai berbagai ragam hias atau motif ukiran dan bentuk binaan yang mengikut pengaruh negeri-negeri Melayu dan pengaruh Nusantara seperti Indonesia dan Selatan Thailand. Perbezaan gaya senibina elemen pada rumah dapat menjelaskan asal usul rumah tersebut seperti rumah bumbung panjang atau rumah Minangkabau biasanya terdapat pada rumah-rumah Melayu awal dan kini masih banyak terdapat di Melaka dan Negeri Sembilan. Rumah bumbung Limas kemudiannya merupakan ciri senibina yang popular dan terdapat hampir di seluruh perkampungan tradisional Malaysia. Selain dari rumah bumbung Limas, terdapat beberapa jenis rumah tradisional seperti Rumah Perabung Lima, Rumah Potong Perak dan Rumah Kutai (Dr. Siti Norlihaiza Harun, 2005).

Senibina rumah Melayu bukan sahaja unik dengan bentuk dan teknologi binaan malahan dapat mencerminkan budaya, falsafah hidup dan tamadun sesuatu bangsa. Setiap bentuk dan binaan mempunyai sebab dan maksud. Sebagai contoh, pembinaan rumah Melayu berpintu rendah bertujuan supaya setiap orang yang memasuki rumah akan menundukkan kepala bagi mengelakkannya terhantuk. Ia menjadi lambang kepada adab bersopan santun di samping sebagai tanda menghormati tuan rumah (Zarinah Sarifan, 2000).

Selain rumah kediaman, senibina Melayu turut dizahirkan ke atas binaan-binaan lain seperti masjid, istana raja-raja, rumah wakaf dan senibina makam atau pusara. Ciri-ciri senibina tradisional Melayu dapat dilihat pada bangunan-bangunan lama yang masih kekal seperti Istana Kenangan di Perak, Istana Balai Besar di Kelantan, Masjid Tengkeri di Melaka dan sebagainya. Senibina Melayu yang indah ini bukan sahaja unik malahan memberi nilai estetika yang begitu tinggi dan seharusnya dipelihara untuk pengekalan identiti bangsa (Dr. Siti Norlihaiza Harun, 2005)

2.3.1 Senibina Bangunan Lain

2.3.1.1 Kategori Istana (Bagunan Malayu)

Sebagai contoh, bangunan lain yang mempunyai ciri-ciri yang serupa iaitu pembinaan pada zaman Melayu ialah Istana Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak (1926). Istana ini juga dikenali sebagai Istana Kenagan, Istana Lembah atau Istana Tepas. Namun, sekarang ia dikenali sebagai Muzium DiRaja Kuala Kangsar yang terletak di Kuala Kangsar, Perak. Istana ini dibina pada tahun 1926 sebagai tempat bersemayam sementara kepada D.Y.M.M

Almarhum Sultan Iskandariah Shah kerana ketika itu Istana Iskandariah sedang dalam kerja-kerja pembinaan. Selain itu, Istana ini juga pernah dijadikan sebagai Istana Tetamu pada hari-hari Istiadat DiRaja Perak. Pada bahagian atas Istana ini ia menepatkan sebuah singgahsana. Manakala di bahagian bawahnya ia digunakan sebagai pejabat rasmi Sultan, dimana ia berlantaikan simen dan sekelilingnya ditutupi dengan bidai. Seterusnya, Istana ini pernah diduduki oleh keluarga DiRaja Perak sehingga tahun 1982. Almarhum Sultan Idris Shah II telah berkenan menyerahkan Istana ini di bawah pengawasan jabatan Muzium. Pada tahun 1986, Istana ini berfungsi sebagai Muzium DiRaja dan diserahkan Pentadbiran Negeri Perak Darul Ridzuan.

Senibina Istana ini, melambangkan senibina Melayu Tradisional . hal ini dapat dilihat melalui bentuknya yang melambangkan sebilah pedang yang tersimpan di dalam sarungnya. Seterusnya, pembinaan keseluruhannya menggunakan kayu jenis keras. Selain itu, ia berdindingkan tepas dan beratapkan kayu berlian menggunakan sebarang paku. Tambahan lagi, Istana Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak ini dibina di atas enam puluh batang tiang, di mana panjangnya lebih kurang 41 meter dan lebarnya 11 meter. Selain itu, ukiran pada Istana ini menggunakan dinding tepas yang dianyam dengan corak-corak anyaman tradisional Melayu. Namun begitu, Istana ini mengalami kerosakkan pada struktur bumbung, papan cantik, tebar layar, lantai papan, dinding, pintu, tingkap, tiang, alas tiang, tangga dan parameter bangunan.

2.4 Senibina Binaan Bangunan Zaman Kolonial

2.4.1 Lokasi

Bangunan seni bina zaman kolonial pada kebiasaannya terdapat di negeri Kuala Lumpur, Taiping, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Kuching, Perak dan Kedah. Dalam tempoh ini banyak bangunan kolonial telah dibina di beberapa bandar utama di Malaysia seperti Georgetown, Ipoh, Kuala Lumpur, Taiping, Seremban, Johor Bharu, Kota Kinabalu dan Kuching. Monumen pertama yang dibina Inggeris ialah kota pertahanan iaitu Kota Cornwallis semasa penapakan Franchis Light di Pulau Pinang pada tahun 1976 (Raja Nafida Raja Shahminan, 2007). Hasil seni bina pada waktu itu dengan sendirinya melambangkan *sprit of times* atau jiwa sezaman dan *sprit of place* atau jiwa setempat (Mohamad Tajuddin Rasdi, 2001).

2.4.2 Kaedah Binaan

Kaedah binaan pembinaan sesebuah bangunan atau monumen-monumen penting dapat dilihat melalui rekabentuk atau *design style* iaitu seperti jenis bahan binaan yang telah digunakan untuk membina kubu. Kubu telah dibina oleh tentera British pada zaman Perang Dunia II ialah dengan menggunakan bahan binaan seperti campuran simen dan pasir sungai dengan kerawit besi (Nuraida Karim, 2011).

2.4.3 Fungsi bangunan

Fungsi bangunan senibina zaman Kolonial pada zaman dahulu ialah kebanyakan bangunan yang dibina adalah bertujuan untuk menempatkan jentera pentadbiran British pada masa tersebut di Tanah Melayu (Aini Zamzamin, 1985/88). Bangunan ini dibahagikan kepada lima kategori, iaitu keagamaan dan monumen, institusi kerajaan, institusi pendidikan, mercu tanda dan vila serta rumah kedai (Ahmad Sanusi & Shaiful Rizal Che Yahya 2012). Selain itu, legasi lain era kolonialisme British itu ialah memulakan pelancongan moden di negara ini. Ini termasuk pengenalan hampir kesemua aspek pelancongan Malaysia seperti sanatorium, rest house, hotel, kelab sosial, muzium, rekreasi, sukan dan hiburan. Legasi-legasinya yang lain adalah dalam aspek senibina, bandar moden yang didominasi oleh kaum Cina, kehidupan malam (night-lives), seni taman awam dan tanda keunggulan. Legasi senibina era kolonial British cukup meluas. Unsur-unsur senibina kolonial diserap menjadi tanda keunggulan di seluruh negara termasuk istana diraja, masjid dan bangunan pejabat pentadbiran utama di semua bandar. Ia memperkenalkan gaya hidup moden kebaratan (Zulkiflee, 2010).

2.4.4 Susun Atur Ruang Dalaman & Fasad Bangunan

Selain daripada dirobuhkan, rumah kedai lama ini juga telah melalui pelbagai fasa perubahan dari segi fasad bangunan dan tatatur ruang dalamnya. Pemindahan hak milik sejak dari era penjajahan Belanda sehingga kini telah menyebabkan lot rumah kedai tersebut dipecahkan menjadi lot-lot yang lebih kecil. Susun atur dalaman telah diubahsuai mengikut citarasa, kemampuan, kesanggupan dan kerelaan pemilik. Perkara ini secara tidak lansung memberi kesan yang mendalam terhadap gaya hidup, budaya dan sistem sosial yang telah

sekian lama terbina. Susun atur ruang dalaman ini seharusnya dikekalkan dan tidak diubahsuai dengan sewenang-wenangnya supaya generasi akan datang dapat mempelajari aspek gaya hidup dan budaya masyarakat pada masa silam (Raja Nafida Raja Shahminan, 2007)

Perubahan pada fasad dan tatatur ruang akan mencemarkan konsep rekaan asal bangunan itu (Raja Nafida Raja Shahminan, 2007). Elizabeth, V (2002), mengatakan bahawa *trend* mengekalkan asad ini dinamakan “facadism” dan mula muncul di tahun 1980an dan merupakan *tred* experimentasi oleh para arkitek. Fasad bangunan dikekalkan tetapi keseluruhan ruang dalaman telah diperbaharui. Bahayanya *trend* ini adalah kerana tidak banyak projek sebegini yang benar-benar berjaya (Cheah, U.H, 2000). Ini adalah selaras dengan apa yang dinyatakan oleh David, G.S (1992) bahawa senibina adalah bukti sentuhan, penggabungan dan perubahan budaya serta bukti perubahan di dalam organisasi sosial, politik dan agama. Senibina juga berkait rapat dengan corak perlakuan (behaviour pattern) dan juga pandangan sejagat (world view) yang merangkumi aspek kosmologi.

2.5 Senibina Binaan Bangunan Zaman Melayu

2.5.1 Lokasi

Rumah Penghulu yang terletak di perkarangan Badan Warisan Malaysia asalnya terletak di Kampung Sungai Kecil, Bandar Baharu, Kedah. Rumah ini mempunyai warisan senibina rumah Melayu yang unik. Mempunyai atap bumbung limas, dinding dan jendela kayu bertebuk dengan ukiran yang menarik (Dr. Siti Norlizaiha Harun, 2005)

Selain rumah kediaman, senibina Melayu turut dizahirkan ke atas binaan-binaan lain seperti masjid, istana raja-raja, rumah wakaf dan senibina makam atau pusara. Ciri-ciri senibina tradisional Melayu dapat dilihat pada bangunan-bangunan lama yang masih kekal seperti Istana Kenangan di Perak, Istana Balai Besar di Kelantan, Masjid Tengkeri di Melaka dan sebagainya. Senibina Melayu yang indah ini bukan sahaja unik malahan memberi nilai estetika yang begitu tinggi dan seharusnya dipelihara untuk pengekalan identiti bangsa (Dr. Siti Norlizaiha Harun, 2005).

2.5.2 Kaedah Binaan

Kesenian kaedah pembinaan tradisional pula berkisar bagaimana sesebuah rumah tradisional itu didirikan dengan menggunakan sumber sedia ada di kawasan sekeliling. Rumah-rumah ini juga mempraktikkan kaedah pembinaan lama yang tidak menggunakan paku melainkan pasak dan tanggam bagi menguatkan dan mengukuhkan binaan tersebut (Mohd Firrdhaus Mohd Sahabuddin, 2016).

Secara asasnya rumah melayu didirikan dengan menaikkan struktur tiang utama yang dipanggil 'tiang seri' terlebih dahulu. Ini diikuti dengan pemasangan 'rasuk panjang' dan 'rasuk pendek' bagi mengikat kedudukan 'tiang seri' kepada tiang-tiang sokongan yang lain. Peringkat ketiga ialah, perletakkan lantai sementara bagi kegunaan kerja-kerja pemasangan 'alang panjang' dan 'alang pendek' sebelum diikuti dengan 'tunjuk langit', 'alang muda' dan 'tulang bumbung'. Peringkat keempat ialah pemasangan komponen bumbung dengan perletakkan 'kasau jantan' dan 'kasau betina' disusuli dengan pemasangan 'atap' dan 'tebar

layar'. Akhir sekali, kayu lantai dipasang diikuti dengan kayu dinding, tingkap, jendela, pintu serta komponen perhiasan fasad yang lain (Mohd Firrdhus Mohd Sahabuddin, 2016).

Boleh disimpulkan di sini, kaedah pemasangan rumah tradisional Melayu adalah pelopor terawal kepada konsep '**Sistem Binaan Berindustri**' (*Industrialised Building System – IBS*) di dunia. Ianya lebih mapan dan lestari berbanding binaan moden yang lain kerana mampu mengatasi masalah banjir besar yang sering melanda rantau ini pada musim tengkujuh. Selain itu rumah tradisional ini juga boleh dibongkar (*dismantle*), dipasang semula (*reassemble*) dan dipindahkan (*relocate*) samada secara 'buka dan pasang' atau diangkat keseluruhannya secara bergotong-royong ke lokasi yang baru. Inilah antara kelebihan kaedah pembinaan tradisional yang menggunakan bahan binaan ringan (Mohd Firrdhus Mohd Sahabuddin, 2016).

2.5.3 Susun Atur Ruang Dalam & Fasad Bangunan

Yang dimaksudkan dengan kesenian susunatur ruang ialah, perancangan susunatur yang menterjemah sosio budaya masyarakat Melayu. Sebagai contoh; kedudukan 'serambi' yang diletakkan di hadapan sekali sebagai ruang umum menyambut tetamu diikuti dengan rumah ibu sebagai ruang utama kekeluargaan dan keraian, adalah menepati keperluan budaya masyarakat melayu yang mengutamakan layanan terhadap tetamu dan dalam masa yang sama menjaga tahap privasi ahli keluarga mengikut hukum Agama Islam (Mohd Firrdhus Mohd Sahabuddin, 2016)

Bagi rumah Melayu yang mempunyai susunatur jenis berkembang (*expanded form*) perletakkan selang sebagai jambatan penghubung diantara rumah ibu dan dapur adalah berperanan sebagai pintu masuk bagi kaum wanita ketika persiapan kenduri-kendara sedang giat dilakukan. Bilik di dalam rumah tradisional Melayu pula dibina dalam keadaan boleh ditambah dan dikurangkan mengikut keperluan dan jumlah ahli keluarga (Mohd Firrdhus Mohd Sahabuddin, 2016).

Kolong misalannya berperanan sebagai ruang serbaguna bagi aktiviti kenduri-kendara, aktiviti harian seperti stor simpanan peralatan dan hasil peneuaian. Manakala di musim tengkujuh yang selalunya berlarutan sehingga berminggu-minggu, kolong merupakan tempat penting bagi tujuan pengeringan pakaian dan juga tempat pembaikan jala bagi nelayan yang tidak dapat turun ke laut. Ternyata susunatur ruang di dalam rumah tradisional Melayu adalah merupakan refleksi ke atas cara hidup dan budaya masyarakat Melayu itu sendiri (Mohd Firrdhus Mohd Sahabuddin, 2016).

2.6 Fungsi Istana Kuning

Menurut artmelayu.blogspot (2011) menyatakan Istana kuning ini perna menjadi tempat bagi Sultan Kedah bersemayam 100 tahun lalu.

Menurut artmelayu.blogspot (2011) menyatakan yang Istana kuning kini dijadikan sebagai pejabat persatuan kerabat diraja kedah.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan metodologi kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji dalam mengkaji kajian ini. Metodologi kajian adalah penting supaya penyelidikan yang dijalankan mempunyai kaedah yang paling sesuai dan berkesan dalam menjawab permasalahan kajian (Ns Ismail Zawawi, 2015). Metodologi kajian adalah merupakan salah satu faktor yang menyumbang untuk mendapatkan kajian yang baik dan sahih. Ianya untuk menjamin kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah bersesuaian dengan objektif-objektif yang dinyatakan.

Dalam bab ini pengkaji akan menerangkan rekabentuk yang digunakan oleh pengkaji sendiri dalam menjalankan kajian. Tetapi, penyelidikan secara umum dapat membezakannya melalui kualitatif atau kuantitatif. Oleh hal yang demikian, terdapat dua jenis kaedah kajian bagi memudahkan kajian iaitu rekabentuk kualitatif dan kuantitatif. Kebanyakan kajian yang melibatkan lapangan mereka akan menggunakan kaedah kualitatif. Manakala, bagi kajian yang melibatkan unsur data dan pengiraan akan mengaplikasikan kaedah kuantitatif. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan menggunakan rekabentuk kajian yang berbentuk kualitatif.

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mendapatkan bahan, data dan segala maklumat yang ingin diproleh oleh pengkaji. Antara kaedah kajian adalah melalui sumber perpustakaan atau kajian literatur, kaedah temubual kaedah pemerhatian atau kajian lapangan serta sumber internet. Kaedah-kaedah yang dilakukan ini adalah untuk memberi sumber kefahaman yang jelas kepada pengkaji dalam menyiapkan kajian.

Melalui kaedah ini dapat menjelaskan kepada generasi sekarang mahupun akan datang supaya mereka lebih menghargai hasil peninggalan suatu masa lalu yang kini telah menjadi satu monumen yang bersejarah pada hari ini.

3.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan eksperimental benar bagi membandingkan kumpulan-kumpulan yang paling baik. Kaedah eksperimental ini dikaitkan benar kerana pengagihan responden-responden adalah secara rawak ke dalam kedua-dua kumpulan berdasarkan pemilihan iaitu responden memiliki peluang yang sama untuk memasuki mana-mana kumpulan dan bukan ditentukan oleh penulis (Chua, 2010). Hal ini dilakukan dengan memilih pelajar berdasarkan senarai nama yang diberikan pihak sekolah di mana semua pelajar memiliki kemungkinan yang sama untuk memasuki salah satu kumpulan. Demikian juga, persoalan tentang kelebihan membaca dan mengulang kaji atau sebaliknya dalam mana-mana kumpulan responden tidak akan timbul lagi. Juga yang membezakannya dengan eksperimen kuasi ialah kajian eksperimen kuasi tidak menggunakan kaedah pemilihan rawak seperti eksperimen benar (Ns Ismail Zawawi, 2015).

Menurut Holloway (1997), kajian kualitatif merupakan bentuk pertanyaan sosial yang memfokuskan kepada interpretasi manusia dan logik terhadap pengalaman mereka serta persekitaran di mana mereka tinggal. Kajian kualitatif termasuklah kajian tindakan, kajian kes dan juga kajian etnografi (Creswell, 1994). Kajian hybrid pula adalah kajian integrasi antara kaedah kajian kualitatif dan kaedah kajian kuantitatif. Oleh itu, disini pengkaji akan menjalankan kajian berbentuk kualitatif. Ia akan digunakan oleh pengkaji disebabkan pengkaji lebih banyak melibatkan diri turun ke tapak kajian bagi menjelaskan objektif- objektif kajian antaranya kaedah temubual, kaedah pemerhatian atau kajian lapangan, kaedah sumber perpustakaan atau kajian literatur serta kajian melalui sumber internet.

3.2 kaedah Pengumpulan Data

Beberapa kaedah dan cara yang digunakan bagi mengumpul data-data penting yang berkaitan dengan kajian supaya pengkaji melakukan kajian dengan mudah, sama ada secara kualitatif mahupun kuantitatif.

3.2.1 Kaedah Data Primer

Data primer adalah data yang diperolehi semasa kajian dilakukan di lapangan seperti melakukan penyelidikan di kawasan yang menjadi skop kajian iaitu di antara kawasan sekitar Istana Kuning. Maklumat dan data yang diperolehi adalah hasil penyelidikan pengkaji sendiri di lokasi kajian.

Kaedah temubual akan digunapakai dalam proses penyelidikan ii. Sehubungan dengan itu, kaedah temubual disertakan bersama dengan malakukan kaedah pemerhatian atau kajian lapangan dan ini dapat membantu dari segi pengumpulan data maklumat sekaligus memudahkan kajian pengkaji itu sendiri. Hasil daripada pengumpulan maklumat dan bahan ini dapat memberi hasil yang betul dan tepat sekaligus mencapai objektif yang telah ditetapkan.

3.3.2 Kaedah Data Sekunder

Data sekunder merupakan data yang diperolehi daripada sumber perpustakaan, laman sesawang dan sebagainya.

Antara kaedah yang digunapakai bagi mendapatkan maklumat atau bahan secara bertulis adalah melalui rujukan seperti majalah, buku, jurnal, kamus dan contoh-ontoh tesis kajian yang lepas yang berada di perpustakaan awam atau arkib negeri. Kaedah kajian melalui internet juga digunakan sebagai salah satu kaedah pengumpulan data. Kebanyakan buku rujukan yang diperolehi adalah berdasarkan pinjaman dari perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan dan perpustakaan awam Negeri Kedah. Dalam perancangan, pengkaji akan melakukan rujukan melalui Arkib Negeri Kedah.

3.3 Kaedah Kajian

3.3.1 Kaedah Temubual

Berdasarkan objektif mengenai senibina binaan dan fungsi penggunaan, pengkaji menggunakan kaedah temubual. Justeru, kaedah temubual melalui pengumpulan maklumat dapat dilakukan dengan kaedah tinjauan. Pengkaji akan menemubual beberapa individu yang mempunyai pengetahuan dalam bidang senibina ini. Kaedah ini dapat dilaksanakan dengan menemubual secara langsung dan hasil tindak balas akan direkod secara bertulis atau rakaman audio dan video. Dalam perancangan, pengkaji akan menemubual beberapa individu di sekitar kawasan kajian iaitu sekitar kawasan Alor Setar. Melalui kaedah ini, secara tidak langsung pengkaji akan memperolehi maklumat secara ilmiah

3.3.2 Kaedah Pemerhatian

Dalam merealisasikan objektif kajian yang lain, pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian. Ini bermakna pengkaji itu perlu turun ke tapak kajian dengan sendiri bagi mendekati dan mengalami sendiri pengalaman dalam menjalankan kajian bagi mendapatkan maklumat dengan lebih betul. Melalui kaedah ini juga, pengkaji dapat melihat dengan lebih dekat berkaitan dengan senibina pengaruh Kolonial dan Melayu. Bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan, pengkaji telah mengenalpasti beberapa tempat atau kawasan yang mempunyai unsur pengaruh Kolonial dan Melayu. Ia dilihat dapat membantu pengkaji menyiapkan projek penyelidikan ini.



Rajah 3.1: Hasil kaedah pemerhatian pengkaji di Istana Kuning



Rajah 3.2: Hasil kaedah pemerhatian di Istana Kuning


3.3.3 Kajian Literatur

Bagi melakukan kajian terhadap sejarah dan pembangunan Istana Kuning ini pengkaji menggunakan kajian literatur. Kajian ini dilibatkan untuk mendapatkan bahan-bahan daripada pembacaan buku secara sendiri dan seterusnya proses menganalisis teks dengan lebih mendalam akan dilakukan. Oleh itu, pengkaji telah merujuk buku, tesis, jurnal, artikel, kamus dan keratan akhbar yang berkaitan dengan sorotan kajian yang digunakan sebagai rujukan pengkaji. Pengkaji menjalankan rujukan melalui perpustakaan awam Negeri Kedah dalam mencari buku-buku yang berkaitan dengan sejarah pembinaan Istana berkenaan. Hal ini kerana

lokasi Instana Kuning itu sendiri yang berada di Kedah. Oleh itu sumber rujukan yang pertama ialah di perpustakaan awam Negeri Kedah. Selain itu, pengkaji turut menjadikan perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan sebagai sumber rujukan bagi menambah koleksi maklumat yang sedia ada. Dalam perancangan, pengkaji juga akan melawat Arkib Negeri Kedah bagi mendapatkan maklumat dan info yang lebih mendalam. Kaedah kajian ini juga turut membantu pengkaji alam mendapatkan maklumat yang lebih mendalam dan tepat.

3.3.4 Sumber Internet

Antara kaedah yang lain adalah pengkaji menggunakan kaedah data sekunder. Dalam pada itu, pengkaji juga ingin mendapatkan maklumat dengan lebih banyak melalui sumber internet. Dengan rujukan bahan-bahan kajian secara tidak langsung dalam media massa menjadikan kajian yang dijalankan menjadi lebih mudah. Rujukan seperti contoh-contoh tesis kajian lepas, artikel dan jurnal bagi memudahkan kajian pengkaji. Hal ini disebabkan contoh-contoh kajian lepas yang tidak terdapat pada sesebuah negeri dapat diselesaikan menggunakan hujung jari sahaja. Oleh itu, ia boleh dilakukan melalui laman sesawang.



Rajah 3.3: Antara sumber internet yang sahih berkaitan dengan tajuk kajian pengkaji

Hubungan antara objektif kajian dan metodologi kajian yang digunakan.

Bil	Objektif	Metodologi Kajian
1	Mengkaji sejarah dan perkembangan Istana Kuning.	<ul style="list-style-type: none"> i. Kajian perpustakaan ii. Kajian literatur
2	Mengenal pasti unsur senibina yang digunakan semasa pembinaan Istana Kuning.	<ul style="list-style-type: none"> i. Kaedah temubual ii. Kaedah pemerhatian iii. Kajian literatur
3	Mengenal pasti perbezaan pada fungsi penggunaan Istana Kuning.	<ul style="list-style-type: none"> i. Kaedah temubual ii. Kaedah pemerhatian iii. Kaedah literatur

Jadual 3.1 : Kaedah kajian yang digunakan berdasarkan setiap objektif.

3.4 Kesimpulan

Secara amnya, kaedah kajian terhadap sejarah dan perkembangan Istana Kuning ini memerlukan kepelbagaian kaedah, hal ini kerana ia merupakan satu cara untuk mengumpul maklumat yang penting dan tepat. Selain itu, kaedah menganalisis data yang diperolehi begitu penting, supaya ia tidak bercanggah dengan pendapat serta kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji yang terdahulu.

Tambahan lagi, melalui penggunaan kaedah secara pelbagai ini, ia dilihat amat membantu dalam mendapatkan maklumat terhadap sejarah dan perkembangan Istana Kuning supaya pengkaji dapat mengkajinya dengan lebih mendalam dan jelas. Amatlah diharapkan,

agar kajian yang dilakukan oleh pengkaji sekarang ini dapat membantu sedikit sebanyak terutamanya dari segi pengetahuan disamping dapat menerokai istana yang penuh dengan sejarah ini.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan hasil daripada dapatan kajian yang telah dikaji. Melalui kaedah kajian seperti yang dinyatakan sebelum ini dalam bab 3 dimana pengkaji akan menjalankan kajian ini berdasarkan kaedah kajian lapangan, kaedah temubual, kaedah perputakaan dan kaedah laman sesawang internet. Oleh hal yang demikian, hasil daripada kajian yang telah berjaya diperolehi oleh pengkaji dalam usaha mendapatkan maklumat yang benar lagi sahih. Oleh itu, pengkaji dapat beberapa maklumat daripada Arkib Negara Cawangan Kedah Perlis berkaitan dengan senibina berkaitan dengan Istana Kuning hasil daripada kajian ilmiah. sehubungan dengan itu, beberapa maklumat dapat dikumpul bagi melengkapkan kajian pengkaji.

Justeru itu, objektif dan persoalan kajian berjaya diselesaikan dengan baik dari segi ketiga-tiga objektif iaitu sejarah dan perkembangan, pengaruh senibina dan fungsi penggunaan Istana Kuning.

4.1 Sejarah Pembinaan Istana Kuning

Pada tahun 1735 Bandaraya Alor Setar secara rasmi dibuka ketika zaman pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muadzam Shah II (1710-1778) yang merupakan Sultan Kedah yang ke-19. Pada zaman tersebut ketika Bandaraya Alor Setar sedang dibuka baginda Sultan memerintahkan agar dibina Kota, Istana, Balai Besar dan Balai Nobat Sebagai persediaan baginda berpindah daripada Kota Bukit Pinang ke Alor Setar. Asas bangunan-bangunan bersejarah tersebut siap dibina pada 15 harubulan, Disember 1735.

Dipercayai tahun sebenar Istana Kuning ini dibina masih tidak diketahui, tetapi dianggarkan ia dibina antara tahun 1904 hingga 1913 pada zaman pemerintaahan Kesultanan Sultan Abdul Hamid Halim Shah yang merupakan Sultan Kedah yang ke-26. Hal ini kerana pada zaman pemerintahan baginda Bandaraya Alor Setar telah berlakunya infrastruktur yang terbesar yang bermula dari balai seni sehingga ke jalan Alor Kancut. Tambahan lagi, punca berlakunya perubahan kepada bandaraya Alor Setar adalah difahamkan kebanyakan tanah di bandaraya Alor Setar adalah tanah kompleks Diraja Kedah ketika itu. Namun begitu, kompleks kediaman Diraja lebih tertumpu di tengah Bandaraya Alor Setar yang bermula dari Istana Pelamin, Balai Besar, Kota Tengah, Istana Sepachandra dan Istana Kuning.

Tapak bangunan Istana Kuning tersebut merupakan satu-satunya lokasi asal iaitu di Jalan Istana kuning, Bandar Alor Setar, Kedah. Walaupun Istana Kuning ini dikelilingi oleh bangunan-bangunan yang kian membangun akan tetapi tapak bangunannya tidak pernah diubah. Hal ini kerana status pemilikannya masih lagi dibawah kerabat diraja Kedah. Kini bangunan Istana Kuning ini tidak lagi digunakan oleh keluarga diraja Kedah sebagai Istana

bersemayam tetapi diubah statusnya sebagai Istana persinggahan sahaja. Selain itu, majlis-majlis keramaian ataupun majlis istiadat negeri turut akan diadakan di Istana ini sebagai upacara kehormatan bagi mengenang status Istana ini pada awal zaman penubuhannya.

4.2 Senibina Bangunan Istana Kuning

Gaya rupa seni bina negara ini telah mengalami perubahan selepas kemerdekaan. Pada masa itu, arkitek yang baru tamat pengajian di luar negara telah membawa fahaman baru tentang seni bina ke bandar utama di negara ini yang sebelumnya melaksanakan pendekatan reka bentuk seni bina kolonial, seperti Anglo-Indian dan eklektik. Di Barat, kritikan terhadap pendekatan estetika mesin yang menganggap seni bina sebagai sebuah mesin kehidupan melalui penyediaan ruang asas sahaja serta gaya rupa yang tidak berlandaskan konteks setempat telah ditolak arkitek dan artis

Senibina bangunan Istana Kuning ini dipengaruhi daripada pengaruh Kolonial dan pengaruh Melayu dan dipercayai istana ini dibina sebelum kedatangan zaman penjajah lagi. Unsur-unsur senibina bangunan ini adalah ilham daripada Sultan Kedah itu sendiri hasil daripada lawatan baginda ke beberapa buah negara. Dapat dilihat pada beberapa bahagian dan elemen di Istana iaitu di bahagian bumbung, perabung dan ukiran kayu di mana ianya menerima pengaruh daripada alam melayu. Pada bahagian ukiran kayu, ukiran melayu seperti ukiran puuk rebung dan bunga lawang di bahagian perabung dan ukiran dinding.

Di samping itu, bangunan Istana Kuning ini juga telah menerima beberapa pengaruh daripada seni bina kolonial yang berunsurkan pengaruh British. Hal ini boleh dilihat pada bahagian struktur bangunan iaitu di bahagian anjung hadapan Istana yang lebih menonjolkan seni bina british. Selain itu, pada bahagian ukiran tiang dan penempatan tiang juga lebih menonjolkan penerimaan pengaruh seni bina inggeris. Struktur tiang yang besar penempatannya yang selari turut memaparkan bangunan itu berasimilasi dengan seni bina luar selain menegetengahkan seni bina melayu.


Tambahan pula, seni bina bangunan Istana Kuning ini banyak dilihat banyak meniru seni bina Balai Besar dan juga diambil daripada seni bina Istana Pelamin yang kini telah diubah statusnya menjadi Muzium Diraja. Terdapat catatan yang mengatakan bahawa Sultan Abdul Hamid Halim Shah yang telah mengilhamkan pembinaan Istana Pelamin dan Balai Besar dimana pengaruh unsur seni bina melayu kedah telah digunakan secara hamper keseluruhan. Keseluruhannya boleh disimpulkan bahawa pembinaan Istana Kuning ini menonjolkan banyak seni bina melayu kedah kerana dipengaruhi oleh pembinaan Istana Pelamin dan juga Balai Besar.

Disamping itu, ketika pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah aktiviti dan proses produksi bahan mentah yang digunakan di dalam pembinaan mana-mana istana di Negeri Kedah diimport daripada Siam. Sebagai contoh bahan-bahan utama seperti simen, tiang-tiang seri dan bata konkrit yang digunakan ini dihasilkan dengan mengikut corak dan menerima pengaruh daripada barat. Terdapat juga beberapa elemen yang diimport luar daripada Siam iaitu daripada benua eropah. Elemen ataupun komponen-komponen ini terdiri daripada Jubin, bahan-bahan mozek dan juga ukiran-ukiran dinding serta tiang. Gabungan

daripada pelbagai bahan dan komponen yang menerima pengaruh senibina yang berbeza ini menjadikan senibina yang terhasil di Istana Kuning ini unik dan istimewa kerana ianya telah berjaya diasimilasikan dengan pengaruh senibina melayu kedah.

Menurut rekod pembinaan dengan menggunakan bahan yang berasaskan kayu tidak digunakan secara sepenuhnya iaitu lebih kurang sebanyak 30 hingga 50 peratus sahaja. Hanya penggunaan tiang dan struktur dinding sahaja dibina menggunakan bahan batuan manakala bahagian lantai dan rangka asas istana dihasilkan dengan menggunakan bahan berkayu. Hal ini menjadikan Istana Kuning ini menerima revolusi senibina dimana ia menggabungkan dua senibina iaitu senibina melayu di timur serta senibina kolonial british di barat.

4.2.1 Lokasi



Rajah 4.2.1: Lokasi Bangunan Istana Kuning

Lokasi Istana Kuning ini terletak di tengah Bandaraya Alor Setar yang pesat membangun serta berhadapan dengan Menara Alor Setar. Bangunan Istana Kuning ini juga berada di alamat Jalan Istana Kuning, Bandar Alor Setar, 05000 Alor Setar, Kedah.

4.2.2 Pandangan Hadapan Istana



Rajah 4.2.2 menunjukkan pandangan hadapan istana

(Sumber: Kajian Lapangan 2022)

4.2.3 Pandangan Belakang Istana Kuning



Rajah 4.2.3 menunjukkan pandangan belakang Istana Kuning

(Sumber: Kajian Lapangan 2022)



Rajah 4.2.3.1 menunjukkan bahagian belakang sisi kiri Istana Kuning

(Sumber: Kajian Lapangan 2022)

4.3 Fungsi Bangunan Istana

Fungsi bangunan Istana Kuning ini pada zaman dahulu, asalnya digunakan sebagai istana hinggap dan sengaian istana tetamu. atau bahasa mudahnya sebagai istana singgah oleh Sultan-sultan Kedah terdahulu. Sebagai contoh semasa zaman pemerintahan sultan ke-26 Kedah iaitu Sultan Abdul Hamid Halim Shah pada tanggal 22 September 1881 hingga 13 Mei 1943 iaitu selama 61 tahun. Pada zaman pemerintahannya, baginda telah banyak memproduksi istana-istana singgah di Kedah yang di antaranya adalah Istana Kuning ini sendiri. Hal ini telah menyebabkan banyak delegasi-delegasi ataupun lawatan daripada pemimpin dari negara luar. Selain itu, terdapatnya beberapa peristiwa atau acara yang telah dilangsungkan di Istana Kuning ini. Antara acara yang paling bersejarah adalah lawatan

daripada Sultan Hamengku Buwono VII daripada Karaton Ngayogyakarta Hadiningrat (Jakarta Moden).

Tambahan lagi, terdapat juga kerabat diraja Thailand iaitu ketika dibawah pemerintahan Raja Chulalongkorn. Lawatan ini kerap dilakukan oleh kedua-dua keluarga diraja bagi mengekalkan hubungan baik yang telah terjalin sejak dahulu lagi. Sebagai contoh, kerajaan negeri Kedah dahulu pernah berada dibawah naungan kerajaan Siam dimana kerajaan negeri Kedah perlu menghantar ufti didalam bentuk bunga emas sebagai tanda pengiktirafan atas naungan kepada kerajaan Negeri Kedah.

Akan tetapi Istana Kuning ini pada asalnya jarang digunakan namun, fungsinya mula digunakan sebagai balai mesyuarat pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid dan seterusnya zaman pemerintahan anakanda baginda iaitu Sultan Badlishah. Pada masa tersebut Istana Kuning ini bukan sahaja digunakan bagi mensyuarat diraja akan tetapi turut digunakan sebagai mesyuarat pentadbiran kerajaan Negeri Kedah dan juga mesyuarat tergepar. Status istana ini menjadikannya sesuai sebagai tempat perjumpaan dif-dif kehormat serta tetamu khas/vip sebelum mengadakan apa-apa perjumpaan seara sulit. bangunan tersebut pada masa kini telah berubah kerana peredaran masa serta terdapatnya pembinaan istana baru yang lebih besar dan luas. Fungsi Istana Kuning kini dijadikan sebagai kegunaan pejabat kerabat diraja Kedah.

BAB 5

PERBINCANGAN

5.0 Pengenalan

Subjek utama dalam tesis ini adalah untuk membincangkan mengenai sejarah dan perkembangan, pengaruh senibina dan fungsi penggunaan Istana Kuning ini. Tiga perkara yang dinyatakan oleh pengkaji merupakan satu medium perantara masyarakat dengan identiti sesebuah bangsa itu sendiri. Sebelum membincangkan mengenai intipati yang ada dalam tesis ini, pembaca harus faham dahulu apa maksud sebenar hal-hal yang telah dinyatakan oleh pengkaji, hal ini kerana akan berlaku kekaburan jika ianya tidak diahami dengan lebih jelas. Sebagai contoh adalah berkaitan dengan senibina, ianya hendaklah difahami dengan lebih jelas agar tidak berlakunya salah faham dikalangan pembaca. Menurut Nikolaus Pevsner dalam bukunya yang bertajuk ‘Outline of European Architecture’ (1943), beliau menyatakan bahawa istilah senibina hanya layak diberikan kepada bangunan yang mempunyai status yang tinggi.

“A bicycle shed is a building; Lincoln Cathedral is a piece of architecture. Nearly everything that encloses space on scale sufficient for human being to move in is a building; the term architecture applies only to buildings designed with a view to aesthetic appeal”.

(Pevsner, 1943:15).

Namun berbeza pula dengan seorang lagi pengkaji sejarah senibina yang terkemuka iaitu Spiro Kostof. Menurut Kostof, definisi senibina merujuk kepada semua jenis binaan yang merangkumi bangunan 'biasa' dan juga bangunan 'istimewa'.

Walaupun semua jenis binaan adalah senibina, namun menurut Kostof lagi terdapat beberapa faktor yang perlu diambil kira dalam penilaian binaan tersebut sebelum ianya layak dikategorikan sebagai sebuah hasil senibina. Menurut beliau faktor yang paling penting dalam penilaian maksud senibina sama ada ianya dikenali atau sebaliknya ialah wujudnya aspek kepentingan atau makna budaya hidup masyarakat pada binaan tersebut. Menurut beliau lagi, senibina bukanlah sesuatu yang wujud secara semulajadi di dalam sesebuah bangunan sebaliknya aspek budaya hidup yang disadurkan dalam program rekabentuk bangunan tersebut yang melayakkan bangunan tersebut dipanggil sebagai senibina. Oleh itu, dapat dilihat pelbagai pendapat mengenai senibina yang dianggap sesuatu yang meluas.

Namun begitu, permintaan yang tinggi dalam penggunaan ruang menjadikan keadaan ekonomi bertambah maju. Peningkatan nilai tanah dan kuasa pasaran menyebabkan berlakunya ancaman kepada bangunan warisan terutamanya di bandar-bandar pesat. Kepentingan dalam memelihara bangunan warisan di kalangan masyarakat sekarang begitu rendah nilainya. Ciri-ciri kesenian yang ada pada sesebuah bangunan warisan tidak oleh orang ramai seterusnya membawa kepada kerosakan yang lebih teruk. Bekas Perdana Menteri Malaysia yang keempat iaitu Dr Mahathir Mohamad pernah memberi ucapan yang menegaskan kepentingan identiti senibina kepada negara melalui:

“Biasanya bagi sesebuah negara, identitinya boleh dikenalpasti apabila kita melihat bandar dan kampung di negara itu buat kali pertamanya. Ada sahaja bentuk istimewanya yang boleh dikenalkan sebagai kebudayaan bangsa dan negara itu. Senibina bukan sahaja memberi bentuk yang mudah dikenal tetapi menunjuk juga nilai dan pencapaian negara itu dalam tamadunya”.

Tekanan pembangunan ini secara tidak langsung membawa nacaman kepada kawasan-kawasan yang kaya dengan warisan. Perkembangan bandar yang pesat ini boleh membawa kepada pembinaan bangunan-bangunan yang bercirikan rekabentuk moden dan terkini yang memberi kesan kepada rupa bandar di mana bangunan-bangunan lama yang mempunyai senibina dan daya tarikan yang tersendiri ini akan digantikan dengan bangunan-bangunan baru. ini boleh menyebabkan unsur-unsur sejarah dan seni bina yang terdapat pupus sekiranya tiada usaha pemeliharaan dilakukan (Syed Zainol Abidin Idid, 1996).

Menurut Zalissa Zaini, 2006 menyatakan pemeliharaan banguan warisan adalah satu tugas yang penting bagi memastikan khazanah-khazanah yang bernilai ini dapat dipelihara bagi generasi masa haapam. Khazanah bersejarah ini menjadi bukti perkembangan tamadun negara dan menjadi satu aset kebanggan negara di mana Malaysia telah cuba mendapat pengiktirafan dari United Nations Educational, Sciencetific And Cultural Organisation (UNESCO) bagi memasukkan sumber jaya kebudayaan sejarahnya ke dalam World Heritage List.

5.1 Kepentingan Istana Kuning Sebagai Bangunan Warisan

Bangunan warisan ini sememangnya penting kerana nilai senibinanya yang unik dan tidak terdapat pada bangunan yang serba moden seperti hari ini yang menjadi bukti kepada sesuatu era dan peristiwa sejarah. Oleh itu, bagi memelihara keadaan bangunan lama yang kini semakin dilupa ini perlu bermula dari saat ini. Menurut Zalisa Zaini, 2006 menyatakan dalam usaha untuk memelihara bangunan warisan, peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) penting dalam mengawas dan merealisasikan konsep pemeliharaan di kawasan pentadbirannya. PBT perlu sedar sekiranya tiada pengawasan secara menyeluruh terhadap bangunan warisan, lambat laun negara ini akan kehilangan corak rupa bandar yang mencerminkan keunikan sesebuah bandar (Syed Zainol Abidin Idid,1996). Ini kerana bangunan lama yang bersejarah ini mempunyai keunikan dan kepentingannya yang tersendiri di dalam Malaysia.

Istana Kuning ini masih lagi dibawah status pemilikan oleh kerabat diraja Kedah. Oleh hal yang demikian banyak lagi data yang tidak dapat diperolehi mengenai bangunan Istana Kuning ini baik dari segi status pewartaan mahupun pengiktirafannya.

5.1.1 Sebuah Tarikan Pelancong

Bangunan bersejarah dapat dijadikan sebagai sebuah destinasi pelancongan. Ini kerana keunikan senibina bangunan bersejarah menarik perhatian pengunjung dalam dan luar negara. Oleh hal itu, lokasi bangunan bersejarah menjadi perhatian dan tumpuan orang ramai dan seterusnya meningkatkan pendapatan ekonomi penduduk setempat. Sebagai contoh

mengadakan pelbagai jenis aktiviti jualan, pameran dan menyediakan pelbagai perkhidmatan kepada pelancong. Selain itu, dengan adanya senibina bangunan warisan, para pelancong tempatan mahupun luar negara sama-sama dapat merasai dan meghayati detik-detik pahlawan dahulu menentang penjajah. Untuk menjadikan bangunan warisan sebagai produk pelancongan, pihak kerajaan perlulah giat membangunkan bangunan-bangunan warisan yang ada. Sebagai contoh muzium, galeri seni, restoran dan pusat pelancongan merupakan kaedah-kaedah bagi menaiktaraf bangunan warisan di Malaysia. Fenomena ini sudah menjadi suatu perkara biasa di beberapa buag negara Eropah seperti di England, Perancis, Itali dan Belanda. Bandar-bandar bersejarah seperti York, Bath, Oxford dan Cambridge di England, Paris di Perancis, Venice, Pisa dan Florence di Itali dan Amsterdam di Belanda telah berjaya memelihara dan melindungi sebahagian besar monumen lama mereka dengan baik (Ghafar Ahmad, 1994).

5.1.2 Sebuah Pengajaran Dan Ikhtibar Buat Masyarakat

Semangat patriotisme yang rendah dalam diri masyarakat terutamanya kalangan remaja dapat dihayati dengan adanya bangunan bersejarah. Bagaimana tokoh-tokoh dahulu yang berjaya melawan kehebatan penjajah asing dalam mempertahankan Tanah Melayu demi anak bangsa sekarang. Nilai jati diri yang tinggi harus dijadikan teladan buat anak-anak muda masa kini yang alpa tentang keharmonian negara sekarang hasil kudrat tokoh dan pahlawan yang terdahulu. Monumen dan tugu-tugu penting dapat memberi ikhtibar buat masyarakat sekarang. Oleh hal yang demikian, sebagai kenangan dan peringatan nuat rakyat jelata bangunan warisan dikekalkan sehingga ke hari ini. Semangat patriotisme juga harus tinggi supaya kita tidak mudah melatah dan terpedaya dengan janji palsu orang luar. Semangat perpaduan juga harus

diterap dalam diri setiap individu supaya tidak berlaku pergaduhan yang besar seterusnya membawa kepada kemasukan anasir-anasir jahat. Kesannya, kita dapat terus maju ke hadapan tanpa mengulangi kesilapan yang telah dilakukan oleh masyarakat yang terdahulu.

5.1.3 Ketinggian Nilai Estetika

Bangunan yang dibina dengan senibina melayu kedah dan kolonial ini mempunyai ciri-ciri rekabentuk yang unik dengan nilai senibinanya yang tinggi. Sesetengah bangunan warisan masih dalam keadaan baik dan berstruktur kukuh. Bangunan zaman kolonial British mempunyai ciri rekabentuk senibina asing yang telah diubahsuai mengikut keadaan cuaca tempatan. Rekabentuk senibina yang terdapat pada elemen bangunan lama seperti dinding, tebar layar, pintu, tingkap dan ruang dalaman telah dipinjam dan diubahsuai untuk menjadi elemen dan rekabentuk bangunan (Zalissa Zaini, 2006).

5.2 Kesan Pemeliharaan Senibina Bangunan Istana Kuning

Hasil daripada temubual bersama Encik Tanzilul @ Atan, beliau menyatakan kesan pemeliharaan bangunan Istana Kuning ini amat penting kepada satu-satunya kepada negeri Kedah itu sendiri. Hal ini sekurang-kurangnya negeri Kedah mempunyai bangunan istana dengan senibinanya yang unik dan unggul. Hal ini dapat dilihat dimana terdapatnya beberapa buah istana sekitar negeri Kedah yang masih lagi mempunyai struktur yang lengkap namun ia tidak dipelihara dengan sewajarnya ekoran tiadanya kesedaran tentang pentingnya bangunan warisan yang akan menjadi aset penting kepada negara di kemudian hari. Akan tetapi, Istana

Kuning ini masih lagi kekal terpelihara baik dari struktur bangunannya serta senibinanya juga masih menonjol.

Selain itu, sebagai cadangan untuk Istana Kuning ini adalah status pemilikanya perlu diubah dan diserahkan kepada pihak lembaga muzium atau kerajaan negeri. Hal ini supaya kajian atau penyelidikan dapat dilakukan secara menyeluruh dan hasil daripadanya dapat dibukukan seterusnya disimpan di Arkib Negara Malaysia dan kajian tersebut dapat digunakan di masa hadapan.

5.3 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, perkembangan senibina di Malaysia menjelang abad ke-20 telah memperlihatkan dengan jelas satu era perubahan senibina Malaysia. Kebanyakan bangunan-bangunan lama di bandar-bandar warisan seperti Kuala Lumpur, Ipoh, Georgetown, Alor Setar, Johor Bharu, Seremban, Kuching dan Kota Kinabalu jelas memperlihatkan bentuk-bentuk senibina dan ragam hias yang terdiri daripada gabungan pengaruh unsur senibina Barat, Morrish, India Muslim dan India. Unsur-unsur senibina tradisi atau tempatan boleh dikatakan lenyap sama sekali. Peninggalan warisan senibina Malaysia sejak zaman tradisional yang belum terpengaruh dengan senibina luar hingga ke semasa berakhirnya penjajah Inggeris pada tahun 1957, memperlihatkan dengan jelas rupa bentuk senibina yang beraneka ragam dengan berbagai-bagai fungsi yang mencerminkan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai agama dan kebudayaan (N.A. Halim, 1994).

Pembinaan bangunan warisan mempunyai nilai estetika berbanding dengan bangunan zaman sekarang yang hanya cantik di bahagian luaran. Ini dapat dilihat apabila bangunan zaman kolonial mempunyai nilai dalam rekabentuk, hiasan, bahan yang digunakan dan lain-lain. Walaupun senibina bangunan ketika zaman dahulu banyak terbina namun senibina melayu masih terdapat di bangunan tersebut.

Selain daripada itu, walaupun bangunan Istana Kuning ini begitu jarang digunakan, namun ia menjadi kebanggaan buat negeri Kedah itu sendiri kerana Istana Kuning ini menonjolkan senibina melayu kedah serta kolonial barat. Hasil daripada gabungan pengaruh senibina ini ia menjadikan bangunan istana ini unik dan masih tersengam indah hingga ke hari ini. Tambahan lagi, penghayatan warisan dan khazanah negara amatlah penting dalam pembentukan minda generasi kini melalui senibina bangunan warisan. Ini kerana pemeliharaan perlu dilakukan dengan lebih baik dalam menjaga warisan nenek moyang kita sejak berkurun lamanya supaya menjadi tatapan untuk generasi yang akan datang yang berpeluang merasainya dengan lebih mendalam. Perkembangan sejarah Malaysia akan memberi gambaran kepada generasi baru untuk lebih menghargai dan menjaga aset warisan yang kita ada.

Sekiranya status pemilikan Istana Kuning ini ditukar, ia merupakan satu langkah yang bijak. Hal ini kerana, dengan langkah ini ia dapat menjamin pemuliharaannya agar berpanjangan buat tontonan masyarakat dalam dan luar negara. Perkara ini dapat dibuktikan apabila bila sekiranya berlaku kerosakkan pada bangunan Istana Kuning ini pihak yang mahir sahaja dipertanggungjawabkan untuk menjaga supaya keasliannya kekal terpelihara. Segala perobohan atau pengancaman terhadap bangunan bersejarah di negara mendapat perhatian

masyarakat bagi membela dan mempertahankan hak warisan tersebut. Disamping itu, pihak kerajaan pula harus berperanan lebih dalam mengazet lebih banyak bangunan-bangunan berusia puluhan tahun agar tidak berlaku masalah di kemudian hari. Oleh hal yang demikian, sekiranya terdapat mana-mana individu yang melakukan sebarang pencerobohan dan pemusnahan bangunan warisan yang telah diaktakan dapat dikenakan sebagai tindakan undang-undang. Oleh itu, bangunan bersejarah ini perlulah dikekalkan sebagai satu warisan dan bahan sejarah untuk simpanan berharga buat negar. Sehubungan dengan itu, pengkaji berjaya menyelesaikan laporan projek penyelidikan ini dengan merangkumkan ketiga-tiga objektif yang dikaji.

Pada objektif pertama iaitu mengkaji sejarah dan perkembangan Istana Kuning. Hasilnya, pengkaji dapat mengkaji sejarah dan perkembangan istana ini yang dipercayai tahun sebenar Istana Kuning ini dibina masih tidak diketahui, tetapi dianggarkan ia dibina antara tahun 1904 hingga 1913 pada zaman pemerintaahan Kesultanan Sultan Abdul Hamid Halim Shah yang merupakan Sultan Kedah yang ke-26. Manakala objektif yang kedua ialah mengenalpasti pengaruh senibina yang digunakan semasa pembinaan Istana Kuning. Hasilnya, senibina Istana Kuning ini dipengaruhi oleh dua senibina yang menonjol iaitu senibina melayu kedah dan senibina kolonial barat. Bagi objektif yang ketiga adalah mengenalpasti perbezaan pada fungsi penggunaan Istana Kuning. Hasil daripadanya, pengkaji dapat mengenalpasti perbezaan fungsi penggunaannya iaitu sebagai istana singgah atau istana tetamu. Tambahan lagi ia juga turut dijadikan sebagai balai mesyuarat bagi kerabat diraja Kedah dan juga pentadbiran kerajaan negeri Kedah serta sebagai tempat untuk mengadakan perjumpaan secara sulit.

Akhir kata, ketiga-tiga objektif iaitu mengkaji sejarah dan perkembangan, mengenalpasti pengaruh senibina yang digunakan semasa pembinaan dan mengenalpasti perbezaan pada fungsi penggunaan pada Istana Kuning telah berjaya pengkaji selesaikan dengan jayanya.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

RUJUKAN

- RAJA SHAHMINAN, (2008). Eprints.usm.my. Retrieved 8 July 2022, from http://eprints.usm.my/31142/1/RAJA_NAFIDA_BINTI_RAJA_SHAHMINAN.pdf.
- ROSMAN, K., & NIK IBRAHIM, N. (2007).Core.ac.uk. Retrieved 8 July 2022, from <https://core.ac.uk/download/11490226.pdf>.
- Sapiee, R. (2022). *Istana Kuning, Alor Setar*. Artmelayu.blogspot.com. Retrieved 15 July 2022, from <http://artmelayu.blogspot.com/2011/03/istana-kuning-alor-setar.html>.
- Surat,A.(2018).Pnm.gov.my.Retrieved15July2022,from<https://www.pnm.gov.my/pnm/resources/pdf%20file/PKMM/SENIBINA%20WARISAN%20MELAYU%20-%20ILHAM%20DAN%20DAYACIPTA%20DARISUDUT%20NASKAH%20DAN%20KEARIFAN%20WATAN%20BANGSA%20MELAYU.pdf>.
- Negeri Kedah, (2019).Retrieved15 July 2022, from <https://www.muziumkedah.gov.my/index.php/muzium/diraja>.
- Mohd Sahabuddin, M. (2016). *Rumah Tradisional Melayu: Antara Seni, Sains & Realiti*. majalah sains. Retrieved 15 July 2022, from <https://www.majalahsains.com/rumah-tradisional-melayu-antara-seni-sains-kuno-realiti/>.
- Hamzah, (2022). *Pengaruh Sejarah Terhadap Seni Bina Melayu*. Academia.edu. Retrieved 15 July2022,fromhttps://www.academia.edu/es/7559530/Pengaruh_Sejarah_Terhadap_Seni_Bina_Melayu.

- Harun, (2015). *Sejarah_dan_Pengaruh_Senibina (1).pdf* - Artikel dalam *Buletin Perancang, JPBD, UiTM Perak, 2005* iaitu kepandaian masyarakat dahulu memotong batu yang / *Course Hero*. Coursehero.com. Retrieved 15 July 2022, from <https://www.coursehero.com/file/71459600/Sejarah-dan-Pengaruh-Senibina-1pdf/>.
- Nasir, Abdul Halim and Wan Teh, Wan Hashim (1997) *Warisan seni bina Melayu* / Abdul Halim Nasir, Wan Hashim Wan Teh. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia,, Bangi. ISBN 9789679423433
- Sanusi, A., & Che Yahya, S. (2012). *Architecture and Heritage Buildings in George Town, Penang* (Penerbit USM). Google Books. Retrieved 26 July 2022, from https://books.google.com/books/about/Architecture_and_Heritage_Buildings_in_G.html?id=TxStCQAAQBAJ.
- Kosman, (2006). *Media Penerbitan dan Penyebaran Idea Identiti Senibina Malaysia: Pengajaran Daripada Pergerakan Arts and Craft di Britain dan Institusi Deutsche Werkbund di Jerman*. Eprints.utm.my. Retrieved 26 July 2022, from <http://eprints.utm.my/id/eprint/4588/1/KamarulAfiziKosmanMFAB2006.pdf>.



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN